



# IKLAN JAWATAN KOSONG

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi Jawatan Pentadbiran (**Tetap**) di **Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu**.

## **PENTING :**

1. Pemohon mestilah mereka yang benar-benar ingin mengisi kekosongan jawatan di UiTM Cawangan Terengganu dan mestilah bersedia untuk berkhidmat di UiTM Cawangan Terengganu.
2. Permohonan daripada calon yang sedang **berkhidmat di Jabatan Kerajaan dan Badan Berkanun MESTILAH MELALUI KETUA JABATAN**.
3. Setiap permohonan MESTILAH disertakan dengan SALINAN DOKUMEN berikut :
  - Salinan Kad Pengenalan
  - Salinan Sijil SPM/ SVM atau yang setaraf (mengikut syarat kelayakan jawatan)
  - Salinan Sijil STPM/ STAM/ MATRIKULASI KPM/ DIPLOMA beserta Transkrip Penuh atau yang setaraf (mengikut syarat kelayakan jawatan)
  - Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada / majikan terdahulu untuk mengambil kira pengalaman kerja / penetapan gaji
  - Lain-lain dokumen yang disyaratkan oleh skim perkhidmatan
4. Hanya calon yang telah memperoleh Sijil / Diploma / Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf dan disahkan oleh senat / jawatankuasa berkaitan pada atau sebelum tarikh tutup iklan sahaja layak memohon selaras dengan syarat skim perkhidmatan.
5. Pemohon yang tidak menerima jawapan dari pihak Universiti selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

## **CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN**

- a) Seorang pemohon hanya boleh memohon untuk **SATU** jawatan yang diiklankan sahaja.
- b) Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Perjawatan Pentadbiran (BORANG PERJAWATAN UiTM 76/13 (III) Pindaan 8/2006) (Jawatan Pentadbiran)** yang boleh dimuat turun dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Terengganu di <https://terengganu.uitm.edu.my/index.php/ms/component/sppagebuilder/?view=page&mp:id=197>
- d) **Borang permohonan yang lengkap bergambar dan salinan semua dokumen (PDF) yang dimuatnaik menggunakan pautan berikut sahaja yang akan diproses :**  
<https://forms.gle/pjdfv2noTgBn9mKJ7>
- e) Tarikh tutup permohonan adalah pada **7 MEI 2024 (SELASA) JAM 11.59 MALAM**.
- f) Pertanyaan berkaitan iklan boleh hubungi:

Bil.	Kategori Permohonan	No. Telefon
1.	Jawatan Pentadbiran	09-8400 129/130

Bil. Rujukan : UiTMKD(PT.19/2)  
 Bil. Iklan : 2/2024  
 Tarikh Iklan : 23 April 2024

**Pemohon hanya boleh memohon SATU (1) jawatan yang diiklankan SAHAJA.**

**A. JAWATAN PENTADBIRAN**

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
1.	PENOLONG JURUTERA BIDANG : KEJURUTERAAN MEKANIKAL	JA29	PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM) / PENOLONG JURUTERA	RM 1,549.00	RM 5,701. 00
2.	PEGAWAI EKSEKUTIF (PENGURUSAN ASRAMA)	N29	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	RM 1,493.00	RM 5,672.00
3.	PEMBANTU KEMAHIRAN	H19	PEMBANTU KEMAHIRAN	RM 1,377.00	RM 4,052.00

**KUMPULAN PELAKSANA****1. PENOLONG JURUTERA GRED JA29****BIDANG : KEJURUTERAAN MEKANIKAL****KEUTAMAAN : Calon yang mempunyai kelayakan akademik dan pengalaman dalam disiplin mekanikal saliran**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) Warganegara Malaysia;
  - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) (i) Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,549.00); atau
  - (ii) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,935.02)

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Kemahiran, Pemeriksa Kereta Motor Gred AB19, AB22 dan AB26, Penjaga Jentera Elektik dan Merinyu Tali Air adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan
  - (a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
  - (ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
  - (b) Had umur pelantikan:
    - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**Pemohon hanya boleh memohon SATU (1) jawatan yang diiklankan SAHAJA.**

## 2. PEGAWAI EKSEKUTIF (PENGURUSAN ASRAMA) GRED N29

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) Warganegara Malaysia;
  - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau
    - (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau
    - (iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf (Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau
    - (iv) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,770.95).

### SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penyelia Asrama adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Eksekutif (pengurusan asrama) Gred N29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan
  - (a) (i) Mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c); atau
    - (ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
  - (b) Had umur pelantikan:
    - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**Pemohon hanya boleh memohon SATU (1) jawatan yang diiklankan SAHAJA.**

### 3. PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H19

**KEUTAMAAN : Calon yang mempunyai kelayakan akademik, sijil kemahiran dan pengalaman dalam bidang kemahiran Automotif atau Kimpalan.**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
  - a) Warganegara Malaysia
  - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) (i) Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred H19: RM1,377.00); atau
    - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H19: RM1,435.12); atau
    - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred H19: RM1,435.12); atau
    - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H19: RM1,493.24); atau
    - (v) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tiga yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan pada Gred H19: RM1,493.24)

#### SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Operator Loji, Pembantu Awam, Pembantu Operasi, Pemandu Kenderaan, Pemandu/Operator Jentera Pemungkah dan Penghantar Notis adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, dan memenuhi syarat berikut:
  - (a) (i) Telah disahkan dalam perkhidmatan; dan
    - (ii) Mempunyai kelayakan di perkara 1 (C) di atas, atau lulus Peperiksaan Khas
  - (b) Had umur pelantikan:
    - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**Pemohon hanya boleh memohon SATU (1) jawatan yang diiklankan SAHAJA.**